

16 FEB 1997

Mahathir-Hidupan liar

PEMBANGUNAN DAN PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR HARUS SEIMBANG

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata perseimbangan perlu ada antara pembangunan dan pemuliharaan hidupan liar.

"Kita perlu ada perseimbangan, jangan hanya kita kata kita mahu memulihara binatang liar dan tidak manusia.. manusia juga perlu dilindungi," katanya semasa diminta mengulas laporan bahawa pembangunan telah mengurangkan kawasan simpanan hidupan liar di beberapa negeri.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Hamid Othman di Taman Tenaga di Jalan Puchong dekat Petaling Jaya.

Dalam satu laporan muka depan sebuah akhbar hari ini, beberapa pakar hidupan liar telah membuat rayuan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya mengekalkan kawasan simpanan hidupan liar bagi memastikan haiwan tidak pupus atau berpindah tempat dengan banyaknya.

Pakar-pakar itu mengulas laporan akhbar yang menyatakan bahawa pembangunan pesat menjejaskan hidupan liar serta habitatnya dan jika tiada usaha dilakukan untuk memulihara haiwan ini, mereka akan lenyap.

Dr Mahathir berkata: "Kita kena seimbangkan antara pembangunan dengan hidupan liar, kalau kita hendak pulihara hidupan liar sampai kita tidak dapat hidup, susahlah. Sangat eloklah untuk memulihara hidupan liar tetapi jika kita dibaham harimau kita tidak sebut pula kita memulihara hidupan liar.

Katanya tidak seperti negara lain umpamanya negara maju di mana haiwan telahpun pupus, kita masih memulihara haiwan-haiwan ini.

"Tidak ada lagi serigala di England...banyak haiwan yang kini lenyap di Eropah kerana pupus tetapi di Malaysia sekurang-kurangnya kita boleh memelihara dan menternak mereka, mereka tidak pupus," katanya.

Mengenai gesaan bagi tanah negeri dijadikan taman, Perdana Menteri berkata untuk membuka sebuah taman negeri, memerlukan wang yang banyak.

Rakyat harus bersedia membenarkan kerajaan membelanjakan wang membina taman-taman sedemikian dan tidak dalam perkara lain.

"Tetapi kita hendak semua benda... kita mahukan jalan, kampung, bangunan tetapi hendak pulihara hidupan liar juga.

"Taman memerlukan wang, kita boleh melakukannya tetapi jangan bersungut jika rakyat tidak mempunyai kemudahan yang memerlukan kerajaan membelanjakan wang," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri lain, diplomat, pegawai kementerian turut menghadiri rumah terbuka itu untuk mengucap "Selamat Hari Raya" kepada Dr Hamid dan Datin Jamilah Mohamed Said. -- BERNAMA

AZZ RON